

--	--	--

SOAL SELIDIK GURU

NAMA SEKOLAH _____

KOD SEKOLAH : _____

*Soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan data bagi kajian **Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah** bagi Tesis PhD di Universiti Malaya. Jasa baik tuan/puan untuk melengkapkan borang soal selidik ini sangat dihargai dan disanjung tinggi.*

BAHAGIAN 1 : AMALAN PENGAJARAN GURU

1.1 Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan Kurikulum dan Pengajaran Bahasa Arab

Sila tandakan (✓) di dalam ruang yang disediakan berdasarkan panduan berikut;

1. Sangat tidak setuju - (STS)
2. Tidak setuju - (TS)
3. Kurang setuju - (KS)
4. Setuju - (S)
5. Sangat setuju - (SS)

Bil	Butiran	1 STS	2 TS	3 KS	4 S	5 SS
A	Bahan Pengajaran					
1	Buku teks Bahasa Arab yang dibekalkan adalah menarik.					
2	Buku teks Bahasa Arab yang dibekalkan adalah mudah difahami.					
3	Sukatan Pelajaran (SP) yang dibekalkan adalah mudah difahami.					
4	SP membantu saya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab					
5	Kandungan sukatan pelajaran Bahasa Arab adalah sesuai untuk murid.					
6	Matlamat Bahasa Arab yang terkandung dalam sukatan pelajaran adalah kurang jelas.					
7	Objektif setiap kemahiran bahasa Arab adalah mudah difahami					
8	Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) yang dibekalkan adalah sukar difahami.					

Bil	Butiran	1 STS	2 TS	3 KS	4 S	5 SS
9	HSP kurang membantu saya dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab					
10	Buku panduan guru (دليل المعلم) membantu saya merancang pengajaran dalam bilik darjah					
11	Buku kerja yang disediakan sesuai dengan isi kandungan buku teks.					
12	Bahan bantu mengajar yang dibekalkan oleh KPM adalah kurang sesuai dan tidak menarik.					
B	Pengetahuan tentang kaedah pengajaran Bahasa Arab:					
1	Penekanan kepada sesuatu kaedah pengajaran merupakan cara yang sesuai dan berkesan.					
2	Mempelbagaikan kaedah pengajaran dapat membantu murid memahami isi pelajaran.					
3	Memilih kaedah pengajaran yang sesuai dapat memenuhi keperluan pembelajaran individu					
4	Memilih kaedah pengajaran yang sesuai juga dapat memenuhi keperluan pembelajaran secara kumpulan.					
5	Penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai dapat merangsang dan mengekalkan perhatian murid.					
6	Penggunaan kaedah mengajar yang sesuai dapat meningkatkan prestasi pencapaian murid.					
7	Kejayaan pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada kebijaksanaan guru menggunakan kaedah pengajaran.					
8	Saya faham tentang;					
	i. Kaedah langsung/terus - (الطريقة المباشرة)					
	ii. Kaedah nahu dan terjemahan - (طريقة النحو والترجمة)					
	iii. Kaedah dengar dan tutur - (الطريقة السمعية الشفوية)					
	iv. Kaedah ajuk hafaz - (طريقة المحاكاة والحفظ)					
	v. Kaedah bacaan - (طريقة القراءة)					
	vi. Kaedah tematik - (الطريقة الموضوعية)					
	vii. Kaedah mengeja - (الطريقة الإملائية)					
	viii. Kaedah main peranan - (طريقة لعب الأدوار)					
	ix. Kaedah simulasi - (الطريقة التمثيلية)					
	x. Kaedah induktif - (الطريقة الاستقرائية)					
	xi. Kaedah deduktif - (الطريقة القياسية)					
	xii. Kaedah eklektif - (الطريقة الانتقائية)					

Bil	Butiran	1 STS	2 TS	3 KS	4 S	5 SS
C	Kemahiran pedagogi					
1.	Pemilihan strategi pengajaran yang sesuai dapat meningkatkan mutu pembelajaran.					
2.	P&P yang berasaskan tiga aras hasil pembelajaran boleh meningkatkan keberkesanan pengajaran Bahasa Arab.					
3.	Mengajar Bahasa Arab dengan menggunakan bahasa ibunda adalah kurang berkesan.					
4.	Penggunaan “ <i>lughah al fasl</i> ” yang mudah dalam pengajaran, adalah berkesan.					
5.	Hasil pembelajaran (نتائج التعلم) perlu diterjemahkan kepada aktiviti pengajaran yang sesuai.					
6.	Aktiviti-aktiviti pembelajaran yang dirancang hendaklah sesuai dengan peruntukan masa pembelajaran.					
7.	Aktiviti pembelajaran yang dirancang adalah berpusatkan pelajar.					
8.	Aktiviti yang dirancang adalah berdasarkan rekod keputusan ujian dan tahap pelajar.					
9.	Guru perlu menggabungkan sekurang-kurangnya dua kemahiran bahasa ketika mengajar.					
10.	Guru perlu berusaha mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.					

1.2 Perancangan Pengajaran

Soal selidik ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai perancangan pengajaran Bahasa Arab yang dilaksanakan oleh anda.

Tandakan (✓) pada kenyataan di bawah dengan menggunakan skala berikut:

1. Jarang sekali – (JS)
2. Jarang – (J)
3. Agak kerap – (AK)
4. Kerap – (K)
5. Sangat kerap – (SK)

Bil	Butiran	1 JS	2 J	3 AK	4 K	5 SK
1.	Saya merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan perancangan pengajaran.					
2.	Saya menyediakan rancangan harian yang lengkap setiap kali sebelum pengajaran.					
3.	Saya menentukan hasil pembelajaran mengikut kehendak sukatan pelajaran.					
4.	Saya memilih isi kandungan pelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid.					
5.	Saya menyesuaikan isi kandungan dengan kebolehan murid.					
6.	Saya memilih bahan bantu mengajar yang sesuai.					
7.	Saya membina bahan bantu mengajar yang sesuai dengan hasil pembelajaran.					
8.	Saya merancang strategi pengajaran yang bertepatan dengan hasil pembelajaran yang hendak dicapai.					
9.	Saya memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan murid.					
10.	Saya merancang pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran.					
11.	Saya tidak mencatat nilai yang perlu diterapkan dalam pengajaran.					

1.3 Strategi Pelaksanaan Kaedah Pengajaran

Sila tandakan (✓) pada kenyataan di bawah dengan menggunakan skala berikut:

1. Jarang sekali (JS)
2. Jarang (J)
3. Agak kerap (AK)
4. Kerap (K)
5. Sangat kerap (SK)

Bil	Butiran	1 JS	2 J	3 AK	4 K	5 SK
A.	Pelaksanaan Proses Pengajaran.					
1.	Memulakan pengajaran dengan menggunakan set induksi .					
2.	Memastikan setiap langkah pengajaran dilaksanakan dengan teratur dan baik.					
3.	Melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan kebolehan murid.					
4.	Melaksanakan kaedah pengajaran yang sesuai dengan isi pelajaran.					
5.	Mempelbagaikan aktiviti pengajaran mengikut kebolehan murid.					
6.	Melaksanakan aktiviti pengajaran menepati hasil pembelajaran.					
7.	Tidak membahagikan murid kepada beberapa kumpulan untuk menjalankan aktiviti pembelajaran.					
8.	Sesi soal jawab dan perbincangan kurang dibuat bersama murid.					
9.	Menamatkan pelajaran dengan aktiviti pengukuhan / penilaian.					
10.	Menjalankan p&p di luar bilik darjah mengikut kesesuaian tajuk.					
11.	Saya tidak membekalkan lembaran kerja / latihan (الواجب المنزلي) untuk murid-murid.					
B.	Pelaksanaan kaedah pengajaran. Berikut adalah beberapa pelaksanaan kaedah pengajaran yang dijalankan;					
1	Kaedah langsung/terus - (الطريقة المباشرة)					
2	Kaedah nahu dan terjemahan - (طريقة النحو والترجمة)					
3	Kaedah dengar dan tutur - (الطريقة السمعية الشفوية)					
4	Kaedah ajuk hafaz - (طريقة المحاكاة والحفظ)					
5	Kaedah bacaan - (طريقة القراءة)					

Bil	Butiran	1 JS	2 J	3 AK	4 K	5 SK
6	Kaedah tematik - (الطريقة الموضوعية)					
7	Kaedah mengeja - (الطريقة الإملائية)					
8	Kaedah main peranan - (طريقة لعب الأدوار)					
9	Kaedah simulasi - (الطريقة التمثيلية)					
10	Kaedah induktif - (الطريقة الاستقرائية)					
11	Kaedah deduktif - (الطريقة القياسية)					
12	Kaedah eklektif - (الطريقة الانتقائية)					

1.4 Keberkesanan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab.

Soal selidik dalam bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang **pandangan anda mengenai keberkesanan penggunaan kaedah pengajaran yang boleh membantu dalam mencapai hasil pembelajaran Bahasa Arab.**

Sila tandakan (✓) pada kenyataan di bawah dengan menggunakan skala berikut:

1. Sangat tidak membantu (STM)
2. Tidak membantu (TM)
3. Kurang membantu (KM)
4. Membantu (M)
5. Sangat membantu (SM)

Bil	Butiran	1 STM	2 TM	3 KM	4 M	5 SM
1.	Kaedah langsung/terus - (الطريقة المباشرة)					
2.	Kaedah nahu dan terjemahan - (طريقة النحو والترجمة)					
3.	Kaedah dengar dan tutur - (الطريقة السمعية الشفوية)					
4.	Kaedah ajuk hafaz - (طريقة المحاكاة والحفظ)					
5.	Kaedah bacaan - (طريقة القراءة)					
6.	Kaedah tematik - (الطريقة الموضوعية)					
7.	Kaedah mengeja - (الطريقة الإملائية)					
8.	Kaedah main peranan - (طريقة لعب الأدوار)					
9.	Kaedah simulasi - (الطريقة التمثيلية)					
10.	Kaedah induktif - (الطريقة الاستقرائية)					
11.	Kaedah deduktif - (الطريقة القياسية)					
12.	Kaedah eklektif - (الطريقة الانتقائية)					

1.5 : Pemilihan kaedah mengikut urutan keutamaan berdasarkan pelaksanaan kaedah yang telah dijalankan.

Soal selidik dalam bahagian ini bertujuan untuk mengetahui kaedah yang digunakan dalam proses pengajaran Bahasa Arab. Senaraikan **lima (5)** kaedah yang anda gunakan berdasarkan senarai kaedah yang telah dinyatakan.

Nombor 1 menunjukkan peringkat tertinggi, Nombor 2 menunjukkan kedua tertinggi dan seterusnya hingga nombor terakhir yang menunjukkan paling rendah tingkat keutamaannya mengikut keberkesanan.

Bil	Butiran
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	

1.6 : Adakah terdapat kaedah pengajaran yang tidak pernah anda gunakan dalam proses pengajaran Bahasa Arab?

Ya.	
Tidak	

Jika **Ya**, Senaraikan:

Bil	Butiran
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	

BAHAGIAN 2: PENILAIAN KENDIRI ATAU REFLEKSI TERHADAP PROSES PENGAJARAN YANG TELAH DILAKSANAKAN.

Maklumat yang diperolehi, membolehkan keputusan dibuat untuk memperbaiki proses pengajaran Bahasa Arab yang sedang dilaksana dan yang akan dilaksanakan. Ini semua bertujuan untuk mengemukakan langkah penambahbaikan yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab.

Sila tandakan (✓) pada kenyataan di bawah dengan menggunakan skala berikut:

1. Jarang sekali (JS)
2. Jarang (J)
3. Agak kerap (AK)
4. Kerap (K)
5. Sangat kerap (SK)

Bil	Butiran	1 JS	2 J	3 AK	4 K	5 SK
A	Aspek Perancangan Pengajaran					
1.	Saya bersedia untuk melaksanakan proses pengajaran					
2.	Saya mewujudkan kesediaan pelajar sebelum proses pengajaran dijalankan					
3.	Saya memastikan P&P dirancang berdasarkan tiga aras hasil pembelajaran.					
4.	Isi pelajaran dibina bertepatan dengan hasil pembelajaran.					
5.	Memilih kaedah pengajaran yang sesuai dengan isi pelajaran.					
B	Penggunaan Bahan Bantu Mengajar					
1.	Papan hitam					
2.	Papan gulung					
3.	Carta					
4.	Gambar-gambar					
5.	Bahan maujud					
6.	Kad imbasan					
7.	Kad kalimah					
8.	Lembaran kerja					
9.	Radio					
10.	OHP					
11.	Pita rakaman					
12.	Makmal bahasa					
13.	Power point /LCD					

Bil	Butiran	1 JS	2 J	3 AK	4 K	5 SK
C	Aspek Pelaksanaan Pengajaran					
1.	Melaksanakan langkah-langkah pengajaran secara terkawal dan teratur.					
2.	Mengulangi isi-isi penting pelajaran semasa proses pengajaran.					
3.	Memberikan contoh-contoh yang sesuai dengan isi pelajaran.					
4.	Meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti yang dijalankan.					
5.	Menggunakan bahasa Arab semasa pengajaran.					
6.	Kurang menerapkan nilai-nilai murni semasa pengajaran.					
7.	Menggabungkan di antara empat kemahiran berbahasa.					
8.	Dapat mengelola pengajaran dan pembelajaran dengan baik.					
9.	Dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan pengajaran.					
10.	Dapat melaksanakan aktiviti pemulihan.					
11.	Menamatkan pelajaran dengan aktiviti pengukuhan/ penilaian.					
12.	Hasil pembelajaran tercapai.					

BAHAGIAN 3: KEKANGAN DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB.

Bahagian ini adalah untuk mengenal pasti kekangan yang dihadapi oleh guru Bahasa Arab dalam pengajaran Bahasa Arab. Maklumat yang diperolehi, membolehkan keputusan dibuat untuk mengemukakan langkah penambahbaikan yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab.

Sila berikan jawapan anda dengan menandakan (✓) dalam petak yang disediakan.

Bil	Butiran	Ya	Tidak
A	Masa Pengajaran		
1.	Peruntukan waktu 2 kali seminggu untuk pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab adalah mencukupi.		
2.	Waktu Bahasa Arab berada dalam jadual waktu rasmi persekolahan.		
B	Murid		
1.	Bilangan murid dalam kelas bahasa Arab terlalu ramai.		
2.	Majoriti murid masih kurang berminat untuk mempelajari Bahasa Arab.		
3.	Murid kurang memberi tumpuan semasa proses P&P berjalan.		
4.	Kurang berjaya dalam kawalan kelas (murid).		
C	Bahan Bantu Mengajar		
1.	KPM membekalkan Bahan Bantu Mengajar Bahasa Arab.		
2.	Bahan Bantu Mengajar Bahasa Arab sukar didapati di pasaran.		
3.	Terpaksa menyediakan sendiri BBM.		
4.	Kemudahan teknologi maklumat seperti LCD tidak disediakan oleh pihak sekolah.		
D	Kursus dan latihan		
1.	Kurang mendapat pendedahan tentang kemahiran menggunakan buku teks Bahasa Arab.		
2.	Kursus / latihan berkaitan dengan P&P yang disediakan tidak mencukupi.		
3.	Mendapat pendedahan tentang Sukatan Pelajaran		
4.	Mendapat pendedahan tentang Huraian Sukatan Pelajaran		
5.	Tidak mendapat pendedahan beberapa modul latihan berkaitan dengan kaedah pengajaran.		
6.	Mendapat kursus peningkatan profesionalisme untuk penguasaan bahasa Arab.		

E	FAKTOR LAIN		
1.	Beban tugas lain menghalang tumpuan saya untuk merancang dan melaksanakan pengajaran yang baik.		
2.	Kurang wujud persekitaran bahasa Arab (بيئة عربية) di sekolah		
3.	Sokongan pihak pentadbir sekolah terhadap pengajaran Bahasa Arab kurang memuaskan.		
4.	Tiada pemantauan daripada pihak Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)		
5.	Tiada pemantauan daripada pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)		
6.	Tiada pemantauan daripada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.(KPM)		

E. Jika anda mempunyai kekangan lain, sila nyatakan;

1.	
2.	
3.	
4.	
5.	

F. Berikan cadangan anda untuk penambahbaikan yang boleh digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab

1.	
2.	
3.	
4.	
5.	

BAHAGIAN 4: LATAR BELAKANG GURU

Sila tulis atau tandakan (✓) dalam ruang kosong yang disediakan.

1. Jantina

Lelaki	<input type="checkbox"/>
Perempuan	<input type="checkbox"/>

2. Umur _____ tahun

3. Peringkat Ijazah Pertama

Dalam Negara (Nyatakan)	
Luar Negara (Nyatakan)	

4. Pengkhususan Ijazah Pertama

Bahasa Arab	
Syariah	
Usuluddin	
Pengajian Islam	
Lain-lain (Nyatakan)	

5. Ikhtisas (KPLI j-QAF)

IP Islam, Selangor (IPIS)	
IP Teknik (IPT)	
IP Ilmu Khas (IPIK)	
IP Bahasa-bahasa Antarabangsa (IPBA)	
IP Bahasa Melayu Malaysia (IPBBM)	
IP Kota Bharu (IPKB)	
IP Sultan Mizan (IPSM)	
IP Kuala Terengganu (IPKT)	
Lain-lain (Nyatakan)	

6. Saya telah berkhidmat sebagai guru j-QAF selama _____ tahun

7. Sejauh manakah minat anda mengajar Bahasa Arab?

- | | |
|--------------------|--------------------------|
| a) Tidak berminat | <input type="checkbox"/> |
| b) Kurang berminat | <input type="checkbox"/> |
| c) Agak berminat | <input type="checkbox"/> |
| d) Berminat | <input type="checkbox"/> |
| e) Sangat berminat | <input type="checkbox"/> |

Berikan sebab bagi jawapan anda

8. Adakah anda seronok mengajar Bahasa Arab?

Tidak seronok	<input type="checkbox"/>
Kurang seronok	<input type="checkbox"/>
Agak Seronok	<input type="checkbox"/>
Seronok	<input type="checkbox"/>
Sangat seronok	<input type="checkbox"/>

9. Kekerapan anda mengikuti kursus bahasa Arab sepanjang perkhidmatan.

- | | |
|-------------------|--------------------------|
| b) Tidak pernah | <input type="checkbox"/> |
| c) 1 – 3 kali | <input type="checkbox"/> |
| d) 4 – 6 kali | <input type="checkbox"/> |
| e) 7 kali ke atas | <input type="checkbox"/> |

Tahniah dan Syukran Jazilan kepada anda semua kerana sudi menjawab soal selidik ini. Semoga Allah s.w.t memberkati segala kerjasama yang diberikan.

Normazidah Bt Mahmood
Fakulti Bahasa & Linguistik
Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
013-3604323

Lampiran 2: Borang Temu bual

NO RESPONDEN:

TEMU BUAL DENGAN GURU j-QAF BAHASA ARAB

*Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan data bagi kajian **Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah** bagi Tesis Ph.D di Universiti Malaya.*

BAHAGIAN 1:

1. Jantina 1. Lelaki 2. Perempuan

2. Berapakah umur ustaz/ ustazah?

25 – 30 tahun	<input type="text"/>
31 – 35 tahun	<input type="text"/>
36 tahun ke atas	<input type="text"/>

3. Apakah kelulusan akademik tertinggi ustaz/ ustazah?

1. Ijazah Sarjana Muda / BA

2. Ijazah Sarjana / MA

3. Ijazah Doktor dan Falsafah / PhD

4. Adakah ustaz/ ustazah pernah menjadi guru sandaran sebelum mengikuti KPLI?

Ya _____ Tidak _____

Jika Ya, berapa lama? _____

Apakah mata pelajaran yang diajar? _____

5. Berikan tugas lain ustaz/ ustazah pegang di sekolah ini selain mengajar?

- a) _____
- b) _____
- c) _____
- d) _____
- e) _____
- f) _____

6. Adakah beban tugas yang diberi, boleh mengganggu tumpuan mengajar ustaz/ustazah di sekolah?

Jika Ya (Nyatakan)

7. Apakah tahap minat ustaz/ustazah terhadap pengajaran Bahasa Arab?

- 1. Sangat berminat
- 2. Berminat
- 3. Kurang berminat

Berikan sebab dan alasan bagi setiap jawapan yang diberikan

8. Apakah kemahiran yang terkandung dalam bahasa Arab yang ustaz/ ustazah lebih minat mengajarnya?

- | | | |
|----|---------------------|----------------------|
| 1. | Kemahiran Mendengar | <input type="text"/> |
| 2. | Kemahiran Membaca | <input type="text"/> |
| 3. | Kemahiran Menulis | <input type="text"/> |
| 4. | Kemahiran Bertutur | <input type="text"/> |

Berikan sebab dan alasan bagi setiap jawapan yang diberikan

9. Adakah masa yang diperuntukkan untuk mengajar Bahasa Arab mencukupi?

10. Sebagai seorang guru Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah, apakah kaedah pengajaran yang boleh ustaz/ ustazah gunakan dalam pengajaran Bahasa Arab?

BAHAGIAN 11:

1. Semasa mengajar adakah ustaz/ ustazah menggunakan bahasa Arab sepenuhnya?

a) Ya

b) Tidak

c) Kadang-kadang

Berikan sebab dan alasan bagi setiap jawapan yang diberikan

2. Apakah kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh ustaz/ ustazah dalam pengajaran Bahasa Arab?

3. Berikan pendapat dan cadangan ustaz/ ustazah mengenai kaedah yang paling menarik dan berkesan untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab khususnya di peringkat sekolah rendah.

4. Secara keseluruhannya, sila beri cadangan ustaz/ustazah bagaimana cara untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab di kalangan murid-murid khususnya murid-murid j-QAF?

5. Akhir sekali, bolehkah ustaz/ustazah berikan beberapa langkah penambahbaikan yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab.

Sekian Terima Kasih
Normazidah Bt Mahmood
THA 070014

Lampiran 3: Borang Senarai Semak Pemerhatian

NO RESPONDEN:

BORANG PEMERHATIAN PROSES PENGAJARAN GURU DALAM BILIK DARJAH

NAMA SEKOLAH

*Pemerhatian atau penyeliaan ke atas proses pengajaran guru di dalam bilik dajah ini bertujuan untuk mendapatkan data bagi kajian **Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Dalam Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah** bagi Tesis Ph.D di Universiti Malaya.*

BAHAGIAN A:

PENILAIAN TERHADAP KESEDIAAN DAN PROSES PENGAJARAN YANG DILAKSANAKAN OLEH GURU.

Senarai semak ini digunakan untuk memudahkan pengkaji menjalankan pemerhatian atau penyeliaan terhadap proses pengajaran Bahasa Arab dalam bilik darjah. Pemerhatian ini menggunakan skala yang menunjukkan;

1. Ya
2. Tidak

Bil	Butiran	Ya	Tidak
	A) PERANCANGAN		
1	Menyediakan rancangan pelajaran harian	/	
2	Menyediakan bahan bantu mengajar		/
3	Isi pelajaran; a. bertepatan dengan hasil pembelajaran	/	
4	b. kesesuaian dengan tahap pengetahuan pelajar	/	
5	P&P berdasarkan tiga aras hasil pembelajaran	/	
6	Memberi fokus kepada kemahiran bahasa: Kemahiran Mendengar	/	

Bil	Butiran	Ya	Tidak
	Kemahiran Bertutur	/	
	Kemahiran Membaca		
	Kemahiran Menulis	/	
7	Kaedah pengajaran yang dipilih untuk dilaksanakan:		
	Kaedah langsung/terus (الطريقة المباشرة)	/	
	Kaedah nahu dan terjemah (طريقة النحو والترجمة)	/	
	Kaedah ajuk hafaz (طريقة المحاكاة والحفظ)		
	Kaedah dengar dan tutur (الطريقة السمعية الشفوية)	/	
	Kaedah bacaan (طريقة القراءة)		
	Kaedah tematik (الطريقة الموضوعية)		
	Kaedah mengeja (الطريقة الإملائية)		
	Kaedah main peranan (طريقة لعب الأدوار)		
	Kaedah simulasi (الطريقة التمثيلية)		
	Kaedah induktif (الطريقة الاستقرائية)		
	Kaedah deduktif (الطريقة القياسية)		
	Kaedah eklektif (الطريقة الانتقائية)		
	B. PELAKSANAAN		
8	mewujudkan kesediaan pelajar melalui set induksi;		
	a. mengaitkan dengan pelajaran lalu	/	
	b. pengalaman pelajar	/	
9	Maklumat disampaikan secara berperingkat-peringkat	/	
10	Kadar penyampaian sesuai dengan tahap kebolehan pelajar	/	
11	Mempelbagaikan aktiviti dan menepati hasil pembelajaran	/	
12	Memberikan contoh-contoh yang sesuai dengan isi pelajaran	/	
13	Dapat mengawal disiplin bilik darjah dengan baik	/	
14	Arahan jelas dan dipatuhi oleh pelajar	/	
15	Menerapkan nilai-nilai murni	/	
16	Menggabungkan dengan kemahiran bahasa lain	/	

Bil	Butiran	Ya	Tidak
17	Suara baik dan mempelbagaikan nada dan intonasi	/	
18	Sebutan jelas, tepat dan menarik	/	
19	Pelajaran dapat diikuti oleh pelajar dan mereka memberi jawapan yang tepat	/	
20	Menamatkan pelajaran dengan aktiviti pengukuhan/penilaian	/	
21	Membuat rumusan/kesimpulan	/	
22	Hasil pembelajaran tercapai	/	
23	Mengurus pelajar dengan teratur	/	
24	Memberi arahan untuk bersurai secara teratur	/	
25	Guru membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan untuk melaksanakan sesuatu aktiviti		/
26	Guru selalu memastikan pelajar melaksanakan aktiviti yang telah diberikan	/	
27	Guru menggunakan bahan maujud sebagai set induksi sesuai dengan isi pelajaran yang hendak disampaikan.	/	
28	Guru banyak menggunakan papan tulis	/	
29	Guru menggunakan ict dalam pengajaran.		/
30	Guru menyoal pelajar di awal pengajaran tentang isi pelajaran yang lepas	/	
31	Teknik penyoalan yang berkesan – <i>taujih liljami' awwalan</i>	/	
32	Guru memberi masa untuk pelajar menjawab soalan yang telah diberikan	/	
33	Guru menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh pelajar	/	
34	Guru menggunakan bahan bantu mengajar yang pelbagai untuk menarik perhatian pelajar		/
35	Tulisan guru di papan hitam jelas dan mudah dibaca oleh pelajar	/	
36	Suara guru jelas didengari semasa pengajaran dijalankan	/	
37	Guru bijak menggunakan intonasi dan nada suara dalam menyampaikan pelajaran	/	
38	Guru menggunakan lughah al ta'ziz sebagai pengukuhan kepada jawapan pelajar	/	
39	Tidak duduk, sentiasa memantau aktiviti pelajar	/	
40	Menggunakan bahasa badan	/	
41	Seorang yang kecindan	/	
42	Ada unsur lawak dan menyeronokkan pelajar	/	
43	Mewujudkan suasana bilik darjah yang menggalakkan pembelajaran	/	
44	Menarik minat murid terhadap pengajaran yang dijalankan	/	

Bil	Butiran	Ya	Tidak
45	Memupuk disiplin di kalangan murid	/	
46	Mahir mengembangkan nilai-nilai murni ke dalam diri pelajar	/	
47	Dapat menguruskan masa dengan baik	/	
48	Dapat menguasai kemahiran dengan tepat	/	

BAHAGIAN B:

PENILAIAN TERHADAP KEBERKESANAN PENGAJARAN MELALUI TINGKAH LAKU PELAJAR DI DALAM BILIK DARJAH.

Pemerhatian ini dibuat untuk melihat keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab melalui perubahan tingkah laku pelajar di dalam bilik darjah semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Pemerhatian ini menggunakan skala yang menunjukkan;

1. Ya
2. Tidak

Bil	Butiran	Ya	Tidak
1	Pelajar bersedia dengan pengajaran guru	/	
2	Pelajar memberi respon terhadap pengajaran bahasa Arab	/	
3	Pelajar menunjukkan minat terhadap mata pelajaran yang diajar	/	
4	Pelajar menunjukkan kerjasama yang baik semasa sesi pengajaran	/	
5	Pelajar berdisiplin tanpa sebarang arahan yang tertentu daripada guru	/	
6	Pelajar senyap dan berdisiplin semasa proses pengajaran	/	
7	Pelajar menyertai semua aktiviti bahasa Arab secara sukarela	/	
8	Pelajar menunjukkan sikap yang seronok semasa pembelajaran	/	

Bil	Butiran	Ya	Tidak
9	Penyertaan pelajar sangat menggalakkan dalam aktiviti yang dijalankan	/	
10	Berlumba-lumba mencuba untuk menjawab soalan	/	
11	Pelajar menunjukkan sikap yang aktif dan produktif	/	
12	Pelajar menunjukkan sikap berdikari	/	
13	Sebilangan besar pelajar dapat menguasai isi pelajaran yang disampaikan oleh guru	/	

Sekian Terima Kasih

Normazidah Bt Mahmood

THA 070014

Lampiran 4: Transkrip Temu bual

4.1: Transkrip Temu bual 1

Temu janji dibuat untuk mengadakan sesi temu bual dengan responden pertama. Ia dijalankan dalam suasana yang harmoni dan kondusif. Sesi temu bual tersebut telah dirakamkan dan butiran terperinci mengenainya disertakan seperti di bawah;

Temu bual ini telah dijalankan pada 30.05.2010 pada jam 10.00 pagi. Ustaz Ahmad bukanlah nama sebenar (responden 1) bertugas di salah sebuah sekolah di negeri Kelantan. Beliau berumur dalam lingkungan 31 hingga 35 tahun. Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda.

Bil	Pengkaji (Penemu bual)	Subjek Temu bual (STB)
	Assalamualaikum ustaz, Apa khabar? Sihat?	Walaikumussalam ustazah Alhamdulillah, ana sihat....
	Ok ustaz, ana nak temu bual sikit dengan ustaz, bolehkan?	Boleh....tak ada masalah, ana akan cuba membantu....
1	Ok ustaz, adakah ustaz pernah menjadi guru sandaran sebelum mengikuti KPLI?	Aaa...Tak pernah...
2	Setakat ni...apakah mata pelajaran yang ustaz ajar?	Bahasa Arab sahaja...tapi ...sebelum ni... mengajar Bahasa Arab dan Pendidikan Islam juga.
	Alhamdulillah	Ye lah...dapat bagi tumpuan sepenuh kepada Bahasa Arab.

Bil	Pengkaji (Penemu bual)	Subjek Temu bual (STB)
3	Berikan tugas lain yang ustaz pegang di sekolah ini selain mengajar?	Aaaa...Penolong Setiausaha Sukan, Setiausaha Bina Insan dan Guru Pengakap. Itu sahaja...
4	Ok, Adakah beban tugas yang diberikan tadi, boleh mengganggu tumpuan mengajar ustaz di sekolah?	Sebelum ni...ya..sebab masa mengajar terlalu banyak, tambahan pula ana jadi setiausaha kokurikulum lagi...sibuk sangat, tapi tahun ni oklah sikit sebab jadi penolong setiausaha aje.
5	Apakah tahap minat ustaz terhadap pengajaran Bahasa Arab? Kenapa?	Ana sangat minat mengajar Bahasa Arab ni...memang minat... sangat. Sebab ana pun dalam bidang bahasa Arab dan ada asas bahasa Arab semenjak sekolah lagi...memang minat sangat lah....
	Ok tahniah ustaz....kerana berminat mengajar Bahasa Arab, ini yang kita mahu...guru yang betul-betul minat mengajar.	Alhamdulillah...ana akan cuba mengajar dengan terbaik. Insyaallah.
6	Apakah kemahiran yang terkandung dalam bahasa Arab yang ustaz lebih minat mengajarnya? Maksud ana...empat kemahiran berbahasa. Kenapa?	Ooo...ana minat mengajar ...kemahiran membaca Ana rasa sebab kita perlu tekankan kepada kemahiran membaca pada murid-murid ini di peringkat sekolah rendah....
7	Sebab dan alasannya?	Lagipun kalau murid mahir membaca dan faham perkataan....mudah untuk kita mengajar...

Bil	Pengkaji (Penemu bual)	Subjek Temu bual (STB)
8	<p>Ok ustaz....Adakah masa yang diperuntukkan untuk mengajar bahasa Arab mencukupi?</p> <p>Jadi..ustaz cadangkan berapa masa seminggu?</p>	<p>Memanglah tak cukup kalau dua masa seminggu (60 minit)</p> <p>Ana rasa 5 masa seminggu ok lah...kita boleh bagi tumpuan sepenuh kepada pelajar. Barulah matlamat tercapai.</p>
9	<p>Sebagai seorang guru Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah, apakah kaedah pengajaran yang boleh ustaz gunakan dalam pengajaran Bahasa Arab?</p> <p>Kenapa?</p>	<p>Bagi ana kaedah dengar dan tutur, kaedah bacaan, kaedah langsung dan sekali sekala guna kaedah nahu dan terjemahanlah....</p> <p>Semua kaedah di atas berkesan, tapi kadang-kadang ana guna juga kaedah nahu dan terjemahan untuk kelas-kelas yang lemah pencapaiannya.</p>
10	<p>Semasa mengajar adakah ustaz menggunakan bahasa Arab sepenuhnya?</p> <p>Kenapa?</p>	<p>Kadang-kadang</p> <p>Sebab kadang-kadang ada pelajar tak faham...tengok kepada tahap pelajar, kalau mengajar kelas ok, maka ana banyak guna kaedah mubasyarah tapi kalau kelas hujung (pelajar yang lemah) maka ana guna kaedah ni....nahu dan terjemahan</p>
11	<p>Apakah kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh ustaz dalam pengajaran Bahasa Arab?</p>	<p>Kaedah dengar dan tutur, kaedah langsung dan sekali sekali kaedah nahu dan terjemahanlah juga...</p>
12	<p>Berikan pendapat dan cadangan ustaz mengenai kaedah yang paling menarik dan berkesan untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran</p>	<p>Kaedah dengar dan tutur, kaedah bacaan, kaedah terus dan kaedah nahu dan terjemahan, Kaedah simulasi pun ok juga.</p>

Bil	Pengkaji (Penemu bual)	Subjek Temu bual (STB)
	Bahasa Arab khususnya di peringkat sekolah rendah.	
13	Secara keseluruhannya, sila beri cadangan ustaz bagaimana cara untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid khususnya murid-murid j-QAF?	Pertama sekali kita perlu mengadakan program minggu bahasa Arab, pameran-pameran, banyakkkan perkataan-perkataan Arab yang baru dan tampal di papan kenyataan atau pun sekitar sekolah....di kantin pun boleh juga....ini supaya pelajar-pelajar dapat lihat dan baca selalu...dengan ini mereka dapat mengingati perkataan Arab dengan cepat.
	Selain daripada itu...apa lagi yang ustaz buat?	Selain itu...masa perhimpunan pagi, ana selalu bercakap Arab contohnya... كَيْفَ حَالُكُمْ؟ صَبَّاحُ الْخَيْرِ Ana juga selalu membuat ulangkaji pelajaran sebelum peperiksaan...ini untuk pemantapan supaya murid-murid dapat jawab soalan peperiksaan dengan baik....
14	Akhir sekali, bolehkah ustaz berikan beberapa langkah penambahbaikan yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab.	Ok ustazah...ana harap bahan bantu mengajar seperti CD nasyid dapat dibekalkan ke sekolah-sekolah, lirik dah ada, tapi CD tak ada.... Selain itu...perlu tambah waktu atau masa bahasa Arab sebab 2 masa memang tidak cukup.... Satu lagi diharap dapat kerjasama daripada guru Pendidikan Islam untuk sama-sama membantu guru Bahasa Arab. Bilangan pelajar terlalu ramai dalam kelas kadang-kadang sampai 40 orang lebih, susah nak mengajar...dan bagi tumpuan..

Bil	Pengkaji (Penemu bual)	Subjek Temu bual (STB)
	Ok ustaz, ana ucapkan terima kasih banyak-banyak kerana sudi berkongsi pengalaman dan sudi menjadi subjek temubual untuk kajian ana ni....	Ok ustazah...sama-sama.

4.2: Transkrip Temu bual 2

Temu bual ini telah dijalankan pada 04.06.2010 pada jam 09.30 pagi. Ustaz Ali bukanlah nama sebenar (responden 2) bertugas di salah sebuah sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Beliau berumur dalam lingkungan 31 hingga 35 tahun. Beliau mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Bil	Pengkaji (Penemu bual)	Subjek Temu bual (STB)
	Assalamualaikum ustaz, apa khabar?	Walaikumusslam Alhamdulillah ana sihat. Ustazah, apa khabar?
	Alhamdulillah ana pun sihat.... Pertama sekali ana ucapkan terima kasih kepada ustaz kerana sudi untuk ditemu bual.	Sama-sama...Insyaallah ana akan cuba membantu ustazah.
1	Ok ustaz...Adakah ustaz pernah menjadi guru sandaran sebelum mengikuti KPLI?	Aaa... guru sandaran? Memang tidak pernahlah...
2	Apakah mata pelajaran yang ustaz ajar di sekolah ni?	Setakat ini...Bahasa Arab dan Pendidikan Islam sahaja.Alhamdulillah...

Bil	Pengkaji (Penemu bual)	Subjek Temu bual (STB)
3	Ok ustaz...Berikan tugas lain yang ustaz pegang di sekolah ini selain mengajar? Banyaknya.....Ok ke ustaz?	Banyak ustazah.... Ana dilantik sebagai Ketua Guru Disiplin, Ketua Penasihat Kedet Remaja, Guru Penasihat Rumah Merah, Setiausaha PIPP, SKPM dan SK Pendek. Ok lahboleh buat Inshaallah.
4	Adakah beban tugas yang diberikan tadi, boleh men-gganggu tumpuan mengajar ustaz di sekolah? Tahniah ustaz.	Sikit sahaja....kita perlu bijak membahagikan dan mengurus masa dengan baik agar ia tidak mengganggu p&p kita. Inshaallah ana akan buat yang terbaik.
5	Apakah tahap minat ustaz terhadap pengajaran Bahasa Arab? Kenapa?	Ana sangat berminat mengajar Bahasa Arab ni... Untuk menyampaikan ilmu yang ada dalam diri ana yang mana sedikit sebanyak dapat membantu pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Sekurang-kurangnya mereka ada asas untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.
6	Apakah kemahiran yang terkandung dalam bahasa Arab yang ustaz lebih minat mengajarnya? Maksud ana...empat kemahiran berbahasa.	Bagi ana...kemahiran bertuturlah yang ana minat mengajar
7	Sebab dan alasannya?	Sebagaimana kita maklum bahasa Arab menekankan kepada kemahiran bertutur iaitu مَهَارَةُ الْكَلَامِ . Jadi, kita perlu kepada mumarasaah untuk mahir bertutur dalam

Bil	Pengkaji (Penemu bual)	Subjek Temu bual (STB)
		bahasa Arab. Sebab itulah kita juga perlu galakkan pelajar kita bertutur bahasa Arab.
8	Adakah masa yang diperuntuk-kan untuk mengajar Bahasa Arab mencukupi? Jadi..ustaz cadangkan berapa masa seminggu?	Memang tidak mencukupi untuk 2 masa seminggu....sangat-sangat tak mencukupi ustazah. Ana cadangkan 5 masa seminggu ok lah...kita dapat jalankan aktiviti pembelajaran dengan baik.
9	Sebagai seorang guru Bahasa Arab di peringkat sekolah rendah, apakah kaedah pengajaran yang boleh ustaz gunakan dalam pengajaran Bahasa Arab? Kenapa?	Kaedah langsung, Kaedah simulasi dan Kaedah nahu dan terjemahan Bagi ana kaedah langsung adalah penting kerana ia banyak membantu pelajar untuk memperoleh mufradat bahasa Arab, selain itu, kaedah nahu dan terjemahan juga digunakan mengikut tahap pelajar.
10	Semasa mengajar adakah ustaz menggunakan bahasa Arab sepenuhnya? Kenapa?	Ya.....tapi kadang-kadang guna juga terjemahan. Sebab kadang-kadang ada pelajar tak faham...dan kita perlu tengok kepada tahap pelajar juga.
11	Apakah kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh ustaz dalam pengajaran Bahasa Arab?	Bagi ana kaedah langsung.
12	Berikan pendapat dan cadangan ustaz mengenai kaedah yang paling menarik dan berkesan untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran	Kaedah langsung dan Kaedah simulasi.

Bil	Pengkaji (Penemu bual)	Subjek Temu bual (STB)
	Bahasa Arab khususnya di peringkat sekolah rendah.	
13	Secara keseluruhannya, sila beri cadangan ustaz bagaimana cara untuk meningkatkan lagi penguasaan bahasa Arab dalam kalangan murid-murid khususnya murid-murid j-QAF?	<p data-bbox="767 383 1372 510">Ok ustazah...kita perlu menjadikan p&p lebih kreatif, ringan dan mudah serta diterima oleh murid-murid kita dengan baik.</p> <p data-bbox="767 544 1372 624">Guru juga perlu ada unsur kecindan dalam menjalankan proses p&p dalam bilik darjah.</p> <p data-bbox="767 658 1372 831">Selain itu, corak p&p kita mestilah kreatif kerana kita mengajar anak-anak di peringkat sekolah rendah...aaa...belajar sambil bermain atau dalam bentuk nyanyian.</p> <p data-bbox="767 864 1372 1088">Banyak menggunakan "<i>body language</i>" semasa mengajar dan jangan cepat untuk menterjemahkan perkataan-perkataan baru, itulah sebabnya ana banyak menggunakan kaedah langsung.</p>
	Alhamdulillah ustaz dan tahniah kerana ustaz peka dengan keperluan pelajar. Ini yang kita harapkan daripada guru-guru Bahasa Arab kita.	Sama-sama ustazah, ana pun akan buat yang terbaik untuk meningkatkan prestasi pencapaian bahasa Arab pelajar-pelajar kita.
14	Akhir sekali, bolehkah ustaz berikan beberapa langkah penambahbaikan yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam pengajaran Bahasa Arab.	<p data-bbox="767 1451 1372 1823">Ok ustazah...ana harap agar dapat membuat bengkel pembinaan bahan bantu mengajar di JPWP ataupun di peringkat sekolah. Ini akan banyak membantu para guru untuk melicinkan proses p&p di dalam bilik darjah dengan adanya BBM yang menarik. Selain itu, guru-guru perlu menggunakan ICT dalam pengajaran agar lebih menarik dan berkesan.</p> <p data-bbox="767 1856 1372 1980">Kita juga perlu menggalakkan pelajar agar bertutur dalam bahasa Arab seperti menggunakan ayat-ayat pendek.</p>

Bil Pengkaji (Penemu bual)**Subjek Temu bual (STB)**

Ok ustaz, ana ucapkan terima kasih banyak-banyak kerana sudi bekerjasama dan sudi menjadi subjek temubual untuk kajian ana ni....mudah-mudahan ustaz berjaya dalam kerjaya ini.

Amiin....Ok ustazah...sama-sama. Ana pun ucap terima kasih juga kepada ustazah dan moga ustazah berjaya...

Lampiran 5: Surat-surat rasmi yang berkaitan (kebenaran menjalankan kajian)
5.1: Surat Kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN DASAR PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
ARAS 1 - 4, BLOK E - 8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88846591

Faks : 03-88846579

Rujuk. kami : KP(BPPDP)603/5/JLD.3 (305)

Tarikh : 3 April 2009

Puan Normazidah binti Mahmood IC: 650323035588

No. 18, Jln Pencahawa 12/2, Bdr. Mahkot

43200 Cheras

Selangor

Tuan/Puan,

Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah, Institut Perguruan, Jabatan Pelajaran Negeri dan Bahagian-Bahagian di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab di Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah

diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada cadangan penyelidikan dan instrumen kajian yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi menggunakan sampel kajian perlu diperoleh dari Ketua Bahagian / Pengarah Pelajaran Negeri yang berkenaan.
3. Sila tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini senaskah laporan akhir kajian setelah selesai kelak. Tuan/Puan juga diingatkan supaya mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Bahagian ini sekiranya sebahagian atau sepenuhnya dapatan kajian tersebut hendak dibentangkan di mana-mana forum atau seminar atau diumumkan kepada media

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(DR. SOON SENG THAH)

Ketua Sektor,
Sektor Penyelidikan dan Penilaian
b.p. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
Dasar Pendidikan
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k

Pengarah
JPN WP Kuala Lumpur

Pengarah
JPN Selangor

Pengarah
JPN Kelantan

Prof. Madya Dr. Karen Kow Yip Cheng
Timbalan Dekan
Fakulti Bahasa dan Linguistik
Universiti Malaya.

5.2: Surat Kebenaran daripada JPN Kelantan



جابتن فلانرن كلنتن

JABATAN PELAJARAN KELANTAN

JALAN DOKTOR,
15000 KOTA BHARU,
KELANTAN DARUL NAIM.
TELEFON PENGARAH : 09-7418001
FAKS : 09-7482554



PEJABAT AM : 7418000, 7418021, 7418080, 7418090 KAWAT : "SEKOLAH KELANTAN"

Ruj.Kami : JPKn./SPIM/1704/37(03)
Tarikh : 13 April 2009
17 Rabiul Akhir 1430

**PUAN NORMAZIDAH BT. MAHMOOD
NO.18 JALAN PENGGAWA 12/2
BANDAR MAHKOTA CHERAS, SEKSYEN 2,
43200 CHERAS SELANGOR.**

Tuan,

KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH KELANTAN

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas. Surat Bahagian Perancangan Dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia Ruj: KP(BPPDP)603/5/JLD.3(305) yang telah dimajukan kepada kami bersama surat tuan adalah berkaitan.

2. Jabatan ini dengan sukacitanya membenarkan tuan melaksanakan kajian tersebut di sekolah-sekolah kawalan kami selama mematuhi segala syarat dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia terdahulu. Pihak tuan diminta memaklumkan terlebih dahulu kepada Pengetua/Guru Besar sekolah-sekolah berkenaan sebelum memulakan kajian.
3. Kerjasama pihak tuan amatlah dihargai dan kami mengucapkan selamat maju jaya.

Sekian terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

HJ. AB. RAZAK B. MAT SAAT
Ketua Sektor
Sektor Pendidikan Islam
b.p. Pengarah Pelajaran Kelantan.

s.k.

1. Pengarah Pelajaran Kelantan.
2. Fail.

(Sila catatkan rujukan jabatan ini apabila berhubung)

5.3: Surat Kebenaran daripada JPN Selangor



جاینت قراچارت سارنگور
JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4, 40604 Shah Alam
TEL : 03-5518 6500 FAKS : 03-5510 2133 E-mail jpn.sel@moe.gov.my
Website: http://www2.moe.gov.my/jpn.sel



Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : JPNS/SPS/PPN/A25090/06/25/JLD 49/ (52)
Tarikh : 30/04/2009

NORMAZIDAH BT. MAHMOOD
NO.18 JALAN PENGAWA 12/2
BANDAR MAHKOTA CHERAS SEKSYEN 2
43200 CHERAS SELANGOR
SELANGOR DARUL EHSAN

Tuan,

KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN/KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH DI NEGERI SELANGOR

"PENGUNAAN KAEDAH PENGAJARAN BAHASA ARAB DI KALANGAN GURU PERINGKAT SEKOLAH RENDAH"

2. Jabatan ini tiada halangan untuk pihak tuan / puan menjalankan kajian/ penyelidikan tersebut di sekolah-sekolah dalam Negeri Selangor seperti yang dinyatakan dalam surat permohonan.
3. Pihak tuan/puan diingatkan agar mendapat persetujuan daripada Pengetua / Guru Besar supaya beliau dapat bekerjasama dan seterusnya memastikan bahawa penyelidikan dijalankan hanya bertujuan seperti yang dipohon. Kajian / Penyelidikan yang dijalankan juga tidak mengganggu perjalanan sekolah serta tiada sebarang unsur paksaan.
4. Tuan/Puan **dikehendaki menghantar senaskah hasil kajian** ke Unit Perhubungan & Pendaftaran Jabatan Pelajaran Selangor sebaik selesai penyelidikan / kajian.

Sekian, terima kasih.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "



" KEJUJURAN DAN KETEKUNAN "

Saya yang menurut perintah,


(KHAIRUL ANUAR BIN AWANG)
Penolong Pendaftar Sekolah Dan Guru,
Jabatan Pelajaran Selangor.
b.p. Ketua Pendaftar Sekolah Dan Guru,
Kementerian Pelajaran Malaysia.

s.k. 1. Fail

5.4: Surat Kebenaran daripada JPN W.P Kuala Lumpur

	JABATAN PELAJARAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR PERSIARAN DUTA, OFF JALAN DUTA, 50604 KUALA LUMPUR. Tel : 03-6203 7777 Fax : 03-6203 7788	
---	--	---

JPWP 12-21/Jld.6 - 09/(90)
6 APRIL 2009

Normazidah Bt Mahmood
No 18 Jln Penggawa 12/2,
Bandar Mahkota Cheras Seksyen 2,
43200 Cheras Selangor

Y. Bhg. Datin/Tuan/Puan,

KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH, MAKTAB-MAKTAB PERGURUAN, JABATAN-JABATAN PELAJARAN DAN BAHAGIAN-BAHAGIAN DI BAWAH KE MENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Dengan hormatnya saya diarah memaklumkan bahawa permohonan Y. Bhg. Datin/Tuan/Puan untuk menjalankan kajian bertajuk :-


" Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Di Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah "
adalah diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sila kemukakan surat kebenaran ini ketika berurusan dengan Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan.
- Kelulusan ini untuk sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja
- Y. Bhg. Datin/Tuan/Puan dikehendaki mengemukakan senaskah hasil kajian tuan/puan ke Jabatan ini sebaik sahaja ianya siap sepenuhnya.
- Kebenaran ini sah sehingga 31.12.2009

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(**SITI HALIMAH BT SYED NORDIN**)
Penolong Pendaftar Sekolah
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan
b.p Ketua Pendaftar Sekolah & Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia

"CEMERLANG DI KALANGAN YANG CEMERLANG"

(Sila catatkan no. rujukan Jabatan ini apabila berurusan)

5.5: Surat Kebenaran daripada JPN W.P Kuala Lumpur



JABATAN PELAJARAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
PERSIARAN DUTA, OFF JALAN DUTA
50604 KUALA LUMPUR.
Tel : 03-6203 7777 Faks : 03-62037788
Laman Web : <http://www.moe.gov.my/jpwpl>



JPWP 12-21/Jld.6 - 09/(38)
21 JANUARI 2010

Normazidah Bt Mahmood
No 18 Jln Penggawa 12/2,
Bandar Mahkota Cheras Seksyen 2,
43200 Cheras Selangor

Y. Bhg. Datin/Tuan/Puan,

**KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN KAJIAN DI SEKOLAH-SEKOLAH, MAKTAB-
MAKTAB PERGURUAN, JABATAN-JABATAN PELAJARAN DAN BAHAGIAN-
BAHAGIAN DI BAWAH KE MENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya diarah memaklumkan bahawa permohonan Y. Bhg.
Datin/Tuan/Puan untuk menjalankan kajian bertajuk :-

**" Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab Di Kalangan Guru Peringkat
Sekolah Rendah "**

adalah diluluskan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- Kelulusan ini adalah berdasarkan kepada apa yang terkandung di dalam cadangan penyelidikan yang telah diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Sila kemukakan surat kebenaran ini ketika berurusan dengan Pengetua/Guru Besar sekolah berkenaan.
- Kelulusan ini untuk sekolah-sekolah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja
- Y. Bhg. Datin/Tuan/Puan dikehendaki mengemukakan senaskah hasil kajian tuan/puan ke Jabatan ini sebaik sahaja ianya siap sepenuhnya.
- Kebenaran ini sah sehingga 31.12.2010

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(SITI HALIMAH BT SYED NORDIN)
Penolong Pendaftar Sekolah
Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan
b.p Ketua Pendaftar Sekolah & Guru
Kementerian Pelajaran Malaysia

CERTIFIED TO ISO 9001:2000, CERT NO : AR 4166

"CEMERLANG DALAM KALANGAN YANG CEMERLANG"



(Sila catatkan no. rujukan Jabatan ini apabila berurusan)